

ID19

**PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP ISU KESELAMATAN  
PENGAWAL KESELAMATAN ASING DALAM SEKTOR  
PERKHIDMATAN DI NCER: KAJIAN KES NEGERI KEDAH**

Mohd Saifoul Zamzuri Noor<sup>1</sup>, Norehan Abdullah<sup>1</sup>, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan<sup>1</sup>,  
Hussin Abdulah<sup>1</sup>, Rohana Yusof<sup>1</sup>

**Abstrak**

Kebanyakan majikan di Malaysia dikatakan menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja terutama daripada tenaga buruh tempatan. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah ini para majikan terpaksa menggaji para pendatang asing sebagai suatu alternatif menanggapi kekurangan buruh tempatan menerusi agensi pekerjaan yang berdaftar. Kaedah persampelan rawak mudah di gunakan dan sejumlah 150 responden telah ditemuduga di negeri Kedah. Kaedah perbincangan meja bulat juga telah dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan 97.3% responden menyedari tentang kewujudan pengawal keselamatan warga asing di negara ini. 52.7% responden pernah berurusan dengan pengawal keselamatan warga asing dan 86% merasakan tidak selesa/selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan warga asing di negara ini. 57.6% responden beranggapan bahawa masyarakat juga merasakan tidak selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan asing. Manakala 63.6% responden merasai suasana persekitaran menjadi kurang selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan asing. Hasil perbincangan mendapati negara perlu mengguna tenaga kerja tempatan seperti anggota RELA sebagai pengawal keselamatan. Ini adalah kerana mereka adalah rakyat tempatan yang sudah pasti memahami sosio-budaya masyarakat Malaysia ketika berurusan.

**Kata Kunci:** Pengawal keselamatan, Kedah, RELA, Keselamatan

**PENGENALAN**

Tenaga buruh merupakan aset kepada negara dalam menjayakan projek pembangunan dan meningkatkan perkembangan ekonomi negara yang pesat dan kemasukan para pelabur untuk melabur dalam sesuatu projek pembangunan. Keadaan ini menyumbang kepada peluang pekerjaan yang luas. Namun begitu, masalah mula timbul apabila negara kekurangan sumber tenaga manusia daripada buruh tempatan. Bagi menampung masalah ini para majikan terpaksa menggunakan agensi kerajaan dalam memenuhi permintaan ini dengan menggaji para pendatang asing sebagai suatu alternatif menanggapi kekurangan buruh tempatan.

Sumbangan kepada pembangunan negara, hasil daripada kebanjiran pendatang asing dapat memberi nilai tambah kepada keadaan politik-ekonomi di negara ini. Penyaluran pekerjaan untuk bekerja di negara ini melalui agensi badan kerajaan dan bukan badan berkerajaan (NGO). Keterjalinan hubungan diplomatik di antara kedua-dua belah pihak dengan negara yang terlibat contohnya negara Malaysia mendapat bekalan sumber tenaga buruh daripada Indonesia, Nepal, Bangladesh, Myanmar, dan India melalui Kementerian Sumber Tenaga dan Manusia di kedua-dua belah pihak. Keadaan ini melibatkan pembangunan politik dalam mendapat perkhidmatan terhadap sektor yang terlibat.

---

<sup>1</sup> Universiti Utara Malaysia

Merujuk Jadual 1 yang telah dikeluarkan oleh Uni Perancang Ekonomi (EPU), bilangan buruh asing di dalam sektor-sektor tertentu di dalam negara ini setiap tahun semakin meningkat. Jumlah ini meningkat dengan keadaan yang terkawal bermula daripada tahun 2009 hingga 2015. Jadual 1 menunjukkan lima (5) pecahan sektor yang menggunakan perkhidmatan buruh asing. Pada tahun 2009 hingga 2015 telah berlaku perubahan peningkatan dan penurunan pekerja asing. Malahan, pada tahun 2015 permintaan terhadap pekerja asing telah mengalami peningkatan dalam sektor pembinaan, sektor perkhidmatan dan pertanian. Hal ini dapat dilihat bahawa pekerja asing telah menampung keperluan tenaga di dalam sektor-sektor tersebut.


Jadual 1: Bilangan Buruh Asing Mengikut Sektor, Malaysia 2009-2015

SEKTOR	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Pembantu Rumah	251,355	247,069	184,092	142,936	169,936	155,591	148,627
Pembuatan	663,667	672,823	580,820	605,926	751,772	747,866	450,364
Pembinaan	299,575	235,010	223,688	226,554	434,200	411,819	745,131
Perkhidmatan	203,639	165,258	132,919	138,823	269,321	270,048	293,433
Pertanian	499,910	497,711	451,542	457,350	625,093	488,090	497,480

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Jadual 1 juga menunjukkan pada tahun 2015 jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif adalah seramai 2,135,035 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Sektor pembinaan merupakan sektor paling tinggi yang menggunakan khidmat pekerja warga asing dari pelbagai negara.

Jumlah buruh asing di Malaysia pada tahun 2013 ialah seramai 1,906,401 orang dan pecahan pekerja asing mengikut lima (5) negara asal tertinggi bagi tempoh tersebut adalah seperti Rajah 1. Pekerja asing dari Indonesia merupakan paling banyak menampung keperluan tenaga kerja dalam negara iaitu sebanyak 44 peratus. Seterusnya diikuti oleh warga Nepal 26 peratus dan Bangladesh 15 peratus. Manakala Myanmar dan India dengan masing-masing mewakili 8 peratus dan 7 peratus.



Rajah 1: Pecahan Pekerja Asing Mengikut 5 Negara Tertinggi Bagi Tahun 2015

Mengikut Jadual 2 tentang statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2009 hingga 2015, jumlah warga asing yang datang dari pelbagai negara iaitu Nepal, Myanmar, India dan lain-lain yang bekerja di Malaysia dalam pelbagai sektor

mengalami peningkatan manakala Indonesia dan Bangladesh mengalami penurunan. Namun pada tahun 2011 kesemua buruh asing dari pelbagai negara mengalami pengurangan kecuali buruh asing dari Nepal mengalami peningkatan. Ini terjadi disebabkan oleh dasar kerajaan yang mengambil warga Nepal sebagai pengawal keselamatan di negara ini. Ini terbukti dengan berlakunya peningkatan kemasukan warga asing dalam sektor perkhidmatan (Jadual 2). Oleh hal yang demikian, kemasukan buruh asing yang berterusan ini sudah tentu membawa kesan positif atau sebaliknya pada ekonomi dan sosial di Malaysia.

NEGARA ASAL	JUMLAH						
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Indonesia	991,940	792,809	785,236	746,063	1,021,655	817,300	835,965
Nepal	182,668	251,406	258,479	304,717	385,466	490,297	502,596
Bangladesh	319,020	319,475	116,663	132,350	322,750	296,930	282,437
Myanmar	139,731	160,504	146,126	129,506	161,227	143,334	145,652
India	122,382	95,112	87,399	93,761	124,017	105,188	139,751

Jadual 2: Jumlah Pekerja Asing Di Malaysia Mengikut Negara Asal, 2009 – 2015

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Kemasukan pendatang asing tanpa izin di negara ini menyebabkan kenaikan dalam kadar jenayah, penyakit dan isu sosial. Masyarakat di negara ini mula melihat isu kedatangan warga asing ke negara ini sebagai suatu ancaman yang besar jika tidak ditangani dengan berhemah. Kedatangan warga asing di negara ini telah ditetapkan pada kadar yang cukup untuk menampung buruh kasar, buruh separuh mahir dan juga buruh mahir. Dengan pengambilan yang terkawal ini, secara relatifnya kita dapat melihat kerajaan dan pihak yang berwajib dapat mengawal dan menguruskan mereka dengan cekap agar tiada permasalahan yang timbul kelak.

Apa yang menjadi kebimbangan masyarakat ialah kehadiran mereka misalnya warga Indonesia dilihat menyumbang kepada kejadian kehilangan harta benda dan pecah rumah. Manakala pendatang dari Bangladesh pula menggusarkan ibu bapa dan para suami yang takut anak gadis dan isteri mereka terjebak dengan pesona cinta pendatang ini. Di samping itu kehadiran golongan yang pernah dilabelkan sebagai pendatang tanpa izin (PATI) tidak hanya untuk mencari rezeki di negara 'lombong emas' ini tetapi juga turut membiakkan pelbagai masalah sosial, jenayah dan juga kesihatan. Lebih-lebih lagi dengan ada polisi yang membolehkan warga asing bekerja sebagai pengawal keselamatan. Persoalan yang timbul apakah persepsi masyarakat tempatan terhadap isu sosial dan keselamatan mereka dengan kehadiran warga asing atau lebih khusus sebagai pengawal keselamatan di negara ini? Sedangkan kehadiran mereka sebelum ini sebagai pekerja biasapun menimbulkan pelbagai persepsi yang kurang senang dari kalangan masyarakat tempatan, apatah lagi sekarang ini di beri tanggungjawab sebagai pengawal keselamatan di permis-permis tertentu.

Oleh itu objektif kertas kerja ini ialah untuk meninjau persepsi masyarakat tempatan terhadap isu keselamatan pengawal keselamatan warga asing yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di negara ini. Perbincangan seterusnya akan menjurus kepada: 2) Ulasan karya; 3) Metodologi kajian; 4) Dapatan kajian; dan 5) Kesimpulan.

## ULASAN KARYA

Ulasan karya disorot berasaskan isu keselamatan kesan dari penglibatan warga asing dan lebih khusus pengawal keselamatan asing kepada masyarakat di negara ini.

### Kesan kepada Keselamatan

Jadual 3 menunjukkan pembahagian kategori bagi jenayah kekerasan di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2010. Ia dibahagikan kepada tujuh kes utama yang melibatkan kes bunuh, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api, rogol dan mencederakan manusia. Jadual tersebut menunjukkan peningkatan dan penurunan dalam setiap kes jenayah kekerasan. Namun begitu, bilangan penurunan adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah peningkatan yang berlaku.

Berdasarkan Jadual 3 juga didapati bagi kes bunuh, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 654 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 497 kes. Selain itu, bagi kes samun berkawan bersenjata api, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2010 iaitu sebanyak 1,809 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 40 kes. Seterusnya, bagi kes samun berkawan tanpa bersenjata api, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2009 iaitu sebanyak 23,722 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2004 iaitu sebanyak 1,689 kes.

Kemudian, bagi kes samun bersenjata api, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2001 iaitu sebanyak 566 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 76 kes. Manakala, bagi kes samun tanpa bersenjata api, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2006 iaitu sebanyak 19,467 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2010 iaitu sebanyak 3,834 kes. Di samping itu, bagi kes rogol, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2009 iaitu sebanyak 3,840 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2001 iaitu sebanyak 1,354 kes.

Selanjutnya, bagi kes mencederakan manusia, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2009 iaitu sebanyak 8,370 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2004 iaitu sebanyak 4,196 kes. Oleh itu, jumlah kes jenayah kekerasan paling tinggi adalah pada tahun 2009 iaitu sebanyak 42,365 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2001 iaitu sebanyak 20,322 kes. Jumlah bilangan ini menunjukkan kes jenayah kekerasan meningkat pada setiap tahun dari 2001 hingga 2009 dan menurun pada tahun 2010 dengan jumlah bilangan kes sebanyak 34,133 kes.

Jadual 4 menunjukkan pembahagian kategori bagi jenayah harta benda di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2010. Ia dibahagikan kepada lima kes utama yang melibatkan kes pecah rumah dan curi, curi van/lori, curi kereta curi motosikal dan ragut. Jadual tersebut menunjukkan peningkatan dan penurunan dalam setiap kes jenayah harta benda. Namun begitu, bilangan penurunan adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah peningkatan yang berlaku. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bagi kes pecah rumah dan curi, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2009 iaitu sebanyak 38,570 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 24,465 kes.

Selain itu, bagi kes curi van/lori, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2006 iaitu sebanyak 6,338 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2001 iaitu sebanyak 4,306 kes. Seterusnya, bagi kes curi kereta, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2010 iaitu sebanyak 15,290 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2003 iaitu sebanyak 8,537 kes. Kemudian, bagi kes curi motosikal, bilangan kes paling tinggi adalah pada

tahun 2007 iaitu sebanyak 67,606 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2002 iaitu sebanyak 47,137 kes.

Manakala, bagi kes ragut, bilangan kes paling tinggi adalah pada tahun 2003 iaitu sebanyak 15,798 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2015 iaitu sebanyak 5,950 kes. Oleh itu, jumlah kes jenayah harta benda paling tinggi adalah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 132,613 kes dan bilangan kes paling sedikit adalah pada tahun 2002 iaitu sebanyak 99,976 kes. Jumlah bilangan ini menunjukkan kes jenayah kekerasan meningkat pada setiap tahun dari 2001 hingga 2008 dan menurun pada tahun 2009 dan 2010 dengan jumlah bilangan kes masing – masing sebanyak 129,449 dan 115,624 kes.

Jadual 3: Kadar Bilangan Jenayah Bagi Jenayah Kekerasan (2001 – 2010)

Jenayah Kekerasan	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Bunuh	608	516	565	565	497	606	590	654	601	568
Samun berkawan bersenjata api	65	73	45	44	40	67	75	182	815	1,809
Samun berkawan tanpa bersenjata api	1,697	1,704	1,920	1,689	1,842	2,723	7,093	21,804	23,722	15,809
Samun bersenjata api	566	425	381	334	317	248	197	76	155	309
Samun tanpa bersenjata api	11,333	12,203	13,963	13,221	13,210	19,467	17,235	4,959	4,862	3,834
Rogol	1,354	1,418	1,471	1,718	1,887	2,454	3,176	3,494	3,840	3,693
Mencederakan manusia	4,699	4,440	4,368	4,196	4,246	5,843	6,793	6,648	8,370	8,111
Jumlah (bilangan kes)	20,322	20,779	22,713	21,767	22,039	31,408	35,159	37,817	42,365	34,133

Sumber: Laporan Polis Diraja Malaysia

Menurut Menteri Dalam Negeri (KDN, 2014), sebanyak 9,496 kes jenayah melibatkan warga asing dicatatkan antara Januari hingga Ogos 2014. Beliau berkata, jumlah itu adalah 11.2 peratus daripada keseluruhan 85,029 kes jenayah yang direkodkan dalam tempoh sama di negara ini. Walaupun perangkaan itu masih kecil berbanding keseluruhan indeks jenayah negara, polis sentiasa memberi perhatian serius dalam membendung kegiatan jenayah melibatkan warga asing kerana boleh membawa kemudaratkan kepada rakyat tempatan. Menurut beliau lagi, daripada jumlah kes jenayah itu, 2,306 kes melibatkan jenayah kekerasan iaitu bunuh (167 kes), rogol (138 kes), samun berkawan bersenjata api (08 kes), samun berkawan tanpa senjata api (1,008 kes), samun bersenjata api (10 kes), samun tanpa senjata api (377 kes) dan mencederakan (498 kes).

Selain itu, sebanyak 7,190 kes pula melibatkan jenayah harta benda iaitu curi (1,871 kes), curi kereta (568 kes), curi motosikal (1,252 kes), curi jentera berat (78 kes), ragut (318 kes) dan pecah rumah (3,103 kes). Seterusnya, pada tahun 2012 terdapat 1,575 kes jenayah melibatkan warga asing atau satu peratus daripada keseluruhan 153,669 kes jenayah, manakala pada tahun 2013 jumlah itu meningkat kepada 13,591 atau 9.2 peratus daripada 147,062 keseluruhan kes. Menurut Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, beberapa tindakan telah diambil untuk mengawal kegiatan jenayah oleh warga asing termasuk mengadakan operasi bersepadu melibatkan polis, Jabatan Imigresen, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

KDN juga telah menghantar lebih ramai pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap menjadi tumpuan warga asing, selain mewujudkan balai atau pondok polis dan meningkatkan operasi besar-besaran di kawasan yang sering menjadi tumpuan warga asing. Di samping itu, polis juga mengadakan kerjasama erat dengan penduduk dan kerajaan tempatan serta meningkatkan keberkesanan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV). Cap jari semua pekerja asing turut diambil melalui Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin (6P) untuk mengesan kemasukan kali kedua dan pendaftaran rekod jenayah (Utusan Online, 2014).

Pelbagai masalah sosial yang berlaku akibat kemasukkan pekerja asing di Malaysia. Keadaan ini disebabkan oleh tingkah laku, nilai, norma dan budaya mereka yang bertentangan dengan budaya masyarakat di Malaysia. Kemasukan buruh asing menjadikan rakyat tempatan berada dalam keadaan yang tidak selesa dan tidak selamat. Menurut Ali (2003), sebelum berlakunya kemasukan buruh asing di Malaysia, rakyat Malaysia berasa selamat untuk berada di mana – mana sahaja tetapi kini sudah terdapat tempat – tempat tertentu yang tidak boleh dilawati kerana telah dimonopoli oleh buruh asing.

Menurut Jarvis dan Parker (1989), bilangan kemasukan buruh asing yang semakin meningkat telah menyebabkan kes jenayah di Malaysia turut meningkat dengan mendadak. Mereka banyak melibatkan diri dalam aktiviti haram seperti rusuhan, pembunuhan, merogol, menjaja secara haram, mencuri, kes ragut, samun, pergaduhan serta kegiatan penipuan seperti menjual ubat palsu dan dadah. Menurut George (1998), kebanyakan buruh asing tidak mendapat layanan yang adil daripada majikan mereka. Ini mendorong mereka membuat rusuhan untuk melepaskan geram yang timbul akibat daripada ketidakpuasan hati terhadap majikan. Contohnya, kes rusuhan di kalangan rakyat Indonesia yang berlaku di kilang tekstil Nilai, Negeri Sembilan dan kes pergaduhan di Kampung Limau Manis, Dengkil.

Menurut Spaan, Van Naerssen dan Kohl (2002), menyatakan bahawa kebanyakan buruh asing adalah bersifat samseng dan tidak sabar. Mereka akan melakukan tindakan ganas tanpa membuat pertimbangan yang rasional. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan kes pembunuhan di kalangan buruh asing. Menurut Tsogas (1999), didapati buruh asing tanpa izin yang tiada pekerjaan tetap, sering memenuhi nafsu seks mereka dengan merogol. Mereka memilih wanita muda yang cantik dan berpakaian menjolok mata sebagai sasaran utama mereka. Ada sesetengah mereka sanggup untuk membunuh mangsa yang dirogol supaya jejak mereka tidak dapat dikesan. Menurut Cross dan Balkin (2000), buruh asing tanpa izin banyak melibatkan diri dalam kegiatan menjaja secara haram. Mereka menjual barang terpakai dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran. Ini dapat menjejaskan kebajikan penjual tempatan. Contohnya, kebanyakan mereka menjual pakaian dan kasut terpakai dengan harga yang murah di pasar malam.

Jadual 4: Kadar Bilangan Jenayah Bagi Jenayah Harta Benda (2001 – 2010)

Jenayah Harta Benda	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Pecah Rumah & Curi	28,452	25,265	25,789	24,904	24,465	28,872	33,590	35,588	38,570	35,053
Curi Van/Lori	4,306	4,570	5,551	4,892	5,507	6,338	5,047	6,263	5,524	4,774
Curi Kereta	8,580	8,544	8,537	8,624	9,711	11,154	12,428	15,198	14,222	15,290
Curi Motosikal	47,223	47,137	50,212	51,560	51,709	65,462	67,606	67,359	61,394	54,557
Ragut	14,368	14,460	15,798	11,536	9,617	11,074	11,106	8,205	9,739	5,950



Jumlah (bilangan kes)	102,929	99,976	105,887	101,516	101,009	122,900	129,777	132,613	129,449	115,624
-----------------------------	---------	--------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------

Sumber: Laporan Polis Diraja Malaysia

Menurut kajian Wandi (1992), buruh asing sering membeli lesen dari perniaga tempatan dan menjalankan kegiatan menjual barangan tiruan di depan kedai di kaki lima. Malah ada juga buruh asing yang cuba memberi rasuah kepada pihak berkuasa supaya membenarkan mereka untuk bebas berniaga di premis tetap, terutamanya buruh dari negara Indonesia dan Thailand. Menurut Samuel dan Samuel (1987) terdapat juga ramai pembantu rumah wanita dari Filipina di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang sering terlibat dalam kes pencurian. Mereka mencuri barang - barang kemas dan wang tunai yang disimpan di rumah apabila majikannya keluar bekerja. Kegiatan ini semakin berleluasa dan menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap pekerja asing.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini lebih kepada rekabentuk kajian pemerolehan memandangkan tidak banyak kajian seumpamanya yang fokus kepada persepsi masyarakat terhadap terhadap isu keselamatan. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih responden dari kalangan masyarakat tempatan yang merasai kehadiran warga asing di satu-satu permis tertentu seperti di hospital, pasaraya dan persekitaran tempat tinggal mereka. Jumlah responden yang ditemuduga secara bersemuka adalah seramai 150 orang.

Kajian ini mengaplikasikan analisis data secara kuantitatif dan kualitatif. Maklumat sebahagian besarnya dianalisis secara diskriptif. Bagi data yang diperolehi daripada borang soal selidik, ia dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dengan teknik-teknik statistik deskriptif seperti analisis kekerapan, jadual silang dan gambarajah bar, pai dan lain-lain.

Maklumat juga diperolehi melalui kaedah Perbincangan Meja Bulat (Roundtable Discussion). *Roundtable Discussion (RTD)* telah membincangkan isu Pengawal Keselamatan Warga Asing: Suatu Keperluan atau Kehendak? RTD ini telah disertai oleh pelbagai pihak yang terlibat secara lansung atau tidak dengan pengawal keselamatan warga asing atau mempunyai pengalaman dan ilmu mengenai warga asing secara umumnya. Antara panel yang hadir ialah wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), wakil penduduk, Syarikat Keselamatan, wakil Bank Islam serta dua ahli akademik Universiti Utara Malaysia (UUM).

## DAPATAN KAJIAN

Persepsi masyarakat terhadap isu keselamatan mereka kesan dari kehadiran pekerja asing atau pengawal asing dalam sector perkhidmatan di Kedah. Seramai 150 responden dari kalangan masyarakat setempat telah ditemuduga. Dapatan adalah seperti berikut:

### Profil Responden

Jadual 5 menunjukkan kebanyakan responden adalah 74 peratus adalah wanita. Majoriti (78%) responden berumur antara 18 hingga 35 tahun, kebanyakan mereka adalah bangsa Melayu iaitu 93 peratus. Kira-kira 65 peratus adalah masih bujang. Dari segi tahap pendidikan terdiri dari 29 peratus diploma dan 28 peratus masih di sekolah menengah. Kebanyakan pekerja sektor swasta 43 peratus dan sektor kerajaan 19 peratus dengan 53.6 peratus berpendapatan antara RM1000 hingga RM3000 sebulan.


### Persepsi Masyarakat Terhadap Pengawal Keselamatan Asing

Bahagian ini melaporkan pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan pengawal keselamatan asing yang bekerja di Kedah. Jadual 6 menunjukkan kebanyakan masyarakat yang ditemui iaitu 97.3 peratus menyedari tentang kewujudan pengawal keselamatan warga asing di negara ini.

Jadual 6: Tahu kewujudan pengawal keselamatan warga asing di negara ini

	Bil. Responden	Peratus
Ya	146	97.3
Tidak	4	2.7
Jumlah	150	100.0

Rajah 2, responden berpandangan kebanyakan pengawal keselamatan warga asing ini bekerja terutamanya di pasaraya (84.7%), kawasan perindustrian (54.7%) dan kawasan perumahan (52.7%). Manaka Jadual 7 menjelaskan bahawa majoriti responden mengunjungi organisasi atau kawasan tersebut 2-3 kali dalam seminggu.



Rajah 2: Kawasan pengawal keselamatan warga asing ini bertugas



Jadual 7: Kekerapan mengunjungi organisasi berpengawal Warga Asing

	Bil. Responden	Peratus
Setiap hari	44	29.3
2 - 3 kali seminggu	63	42.0
4 kali seminggu	6	4.0
Sebulan sekali	35	23.3
Dua bulan sekali	2	1.3
Jumlah	150	100.0

Jadual 5: Profil Responden

Perkara		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	39	26.0
	Perempuan	111	74.0
	Jumlah	150	100.0
Umur	Kurang dari 18 tahun	1	0.7
	18-25 tahun	69	46.0
	26-35 tahun	48	32.0
	36-45 tahun	13	8.7
	46-55 tahun	11	7.3
	55 tahun ke atas	8	5.3
Jumlah	150	100.0	
Bangsa	Melayu	140	93.3
	Cina	6	4.0
	India	3	2.0
	Indonesia	1	0.7
	Jumlah	150	100.0
Perkahwinan	Bujang	98	65.3
	Berkahwin	45	30.0
	Duda	2	1.3

	Ibu tunggal	5	3.3
	Jumlah	150	100.0
Pendidikan	Tiada Pendidikan	1	0.7
	Sekolah Rendah	3	2.0
	Sekolah Menengah	42	28.0
	Sijil	11	7.3
	Diploma	44	29.3
	Ijazah Sarjana Muda	28	18.7
	Ijazah Sarjana (Master)	17	11.3
	PhD	4	2.7
	Jumlah	150	100.0
Pekerjaan	Sektor Kerajaan	29	19.3
	Sektor Swasta	65	43.3
	Bekerja sendiri	18	12.0
	Pelajar	31	20.7
	Pesara	2	1.3
	Tidak bekerja	5	3.3
	Jumlah	150	100.0
Pendapatan	Kurang dari RM1,000	47	31.3
	RM1,001 - RM2,000	56	37.3
	RM2,001 - RM3,000	23	15.3
	RM3,001 - RM4,000	11	7.3
	RM4,001 - RM5,000	4	2.7
	RM5,001 dan ke atas	3	2.0
	Tiada pendapatan	6	4.0
	Jumlah	150	100.0

Merujuk Jadual 8 dan Jadual 9, didapati kira-kira 52.7 peratus daripada responden pernah berurusan dengan pengawal keselamatan warga asing dan 86 peratus mereka merasakan tidak selesa/selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan warga asing di negara ini.

Jadual 8: Pernah berurusan dengan pengawal keselamatan Asing

	Bil. Responden	Peratus
Ya	79	52.7
Tidak	71	47.3
Jumlah	150	100.0

Jadual 9: Berasa Selesa/Selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan Asing

	Bil. Responden	Peratus
Ya	21	14.0
Tidak	129	86.0
Jumlah	150	100.0

Manakala Jadual 10 menunjukkan bahawa kira-kira 57.6 peratus responden beranggapan bahawa masyarakat juga merasakan tidak selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan asing. Lanjutan daripada itu 63.6 peratus responden merasai bahawa suasana persekitaran mereka menjadi kurang selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan asing.

Jadual 10: Persepsi Rasa Selamat Pengawal Keselamatan Asing

Item	Peratus
1 Masyarakat sekitar tidak selesa menerima pengawal keselamatan warga asing	57.6
2 Kehadiran pengawal keselamatan asing memberi suasana kurang selamat	63.6

Ketidakselesaian ini dizahirkan melalui persepsi cara layanan atau perkhidmatan yang diterima oleh masyarakat. Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan persepsi responden terhadap layanan/kualiti pengawal keselamatan warga asing berdasarkan skala 1.0 (Sangat tidak berpuashati) hingga 7 (Sangat berpuashati). Purata skor item paling rendah ialah "berkeupayaan memberi maklumat dengan jelas" iaitu 3.22 adalah rendah. Ini mungkin ada kaitan dengan masalah komunikasi dari kalangan mereka. Ia bertepatan dengan pandangan dari pihak syarikat melalui tinjauan terhadap syarikat keselamatan yang membekalkan pengawal keselamatan asing terutama pada peringkat awal bekerja. Item purata skor paling tinggi ialah "berusaha memudahkan urusan pelanggan" iaitu skor 3.66. Secara keseluruhan purata skor persepsi "Layanan/kualiti" adalah 3.49. Ini memberi gambaran bahawa tahap persepsi responden adalah sederhana iaitu purata skor berada di tengah-tengah antara skor 3.22 hingga 3.66

Jadual 11: Persepsi Responden Terhadap Layanan/Perkhidmatan Pengawal Asing

	Item	Purata	Sisihan piawai
1	berbudi bahasa dan berhemah	3.63	1.256
2	mesra dan sopan	3.65	1.232
3	membantu menyelesaikan masalah/aduan	3.55	1.185
4	memberi maklumat yang tepat kepada pelanggan	3.48	1.214
5	menerima pandangan pelanggan	3.55	1.388
6	menggunakan bahasa yang sopan	3.65	1.420
7	berusaha memudahkan urusan pelanggan	3.66	1.274
8	berkeupayaan memberi maklumat dengan jelas	3.22	1.192
9	mampu merujuk pelanggan kepada sumber yang tepat	3.39	1.203
10	mempunyai pengetahuan mengenai fungsi organisasi	3.27	1.174
11	bijak mengawal emosi dan bersikap profesional	3.47	1.389
12	kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah bagus	3.51	1.325
13	memberi maklumat yang diperlukan dengan cepat dan tepat	3.37	1.255
	Jumlah min skor	3.49	
	Cronbach Alpha	0.950	

## KESIMPULAN

Keperluan tenaga buruh amat penting untuk meneruskan kelangsungan pembangunan ekonomi negara. Kekurangan ini amat dirasai dalam sektor-sektor tertentu seperti perladangan dan perkhidmatan. Kesukaran mendapat tenaga kerja warga tempatan dalam sektor ini bukanlah kerana negara kekurangan tenaga buruh tempatan, tetapi mereka melihat sektor ini sebagai pekerjaan kelas kedua dan kotor. Justeru itu mendorong pihak syarikat keselamatan cuba mengaji pengawal keselamatan warga asing. Maka timbul pula isu-isu baru terutama isu keselamatan dan kedaulatan negara.

Pengambilan warga asing sebagai pengawal keselamatan pula menimbulkan rasa tidak selesa dan selamat oleh kebanyakan masyarakat setempat. Ini dirasai melalui tinjauan persepsi masyarakat seperti yang dijelaskan di atas. Wujud rasa kebimbangan terutama setelah mendengar pelbagai berita negatif mengenai penglibatan warga asing terutamanya pekerja pengawal keselamatan dalam isu-isu jenayah. Justeru bagi mereka, kedatangan warga asing ini lebih cenderung kepada perbuatan jenayah dan keselamatan masyarakat. Menurut Tunon dan Baruah (2013), salah satu perkara yang ditakuti oleh masyarakat terhadap migran ialah perlakuan jenayah di negara mereka bermastautin berbanding dengan isu ekonomi. Menurutnya bahawa kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mendapati hampir 80 peratus dari responden di Thailand dan Malaysia merasakan migran cenderung kepada jenayah. Ini menjadi satu dilemma kepada masyarakat dan ia berbeza pendapat dengan pihak kerajaan yang masih lagi mengekalkan dasar pengambilan warga asing iaitu Nepal sebagai pengawal keselamatan.

Sebenarnya isu pengambilan warga asing sebagai pengawal keselamatan bukannya satu keperluan mendesak. Menurut perbincangan meja bulat, kesemua panel bersetuju bahawa pengawal keselamatan warga asing bukan satu keperluan yang mendesak berdasarkan alasan-alasan yang diberikan. Antaranya mereka berpendapat, Malaysia sebenarnya tidak kekurangan sumber manusia dalam menangani masalah kekurangan pengawal keselamatan. Hasil perbincangan mendapati negara mempunyai banyak sumber manusia yang boleh dimanfaatkan sama ada oleh pihak kerajaan atau syarikat swasta. Misalnya, anggota RELA boleh diketengahkan sebagai salah satu sumber pengawal keselamatan. Ini adalah kerana mereka sudah terlatih dan boleh ditingkatkan kemahiran mereka dengan mudah mengikut keperluan pelanggan. Tambahan pula, mereka adalah rakyat tempatan yang sudah pasti memahami sosio-budaya masyarakat yang berurusan dengan mereka. Malah, sebagai rakyat tempatan, adalah lebih mudah bagi kita mengetahui latar belakang mereka dengan lebih mendalam, maka sebarang ancaman terhadap keselamatan dapat dielakkan.

**RUJUKAN**

- Cross, J. C., & Balkin, S. (2000). Street vending in the modern world. *International Journal of Sociology and Social Policy (Special Issue)*, 21(3/4).
- George, J. (1998). Dangerous liaisons: Neoliberal foreign policy and Australia's regional engagement. *Australian Journal of Political Science*, 33(3), 399-420.
- Ali, J. (2003). *Ekonomi Malaysia Satu Analisis Dasar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jarvis, G., & Parker, H. (1989). Young Heroin Users And Crime. How Do the 'New Users' Finance Their Habits?. *British Journal of Criminology*, 29(2), 175-185.
- Wandi, J. (1992). Kegiatan Sosio-Ekonomi Penghijrah Indonesia di Kampung Kerinci, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropology & Sosiologi, Universiti Malaya.
- Kementerian Dalam Negeri. Jumlah Pekerja Asing Di Malaysia Mengikut Sektor, 2000 – 2015. Dicapai daripada <http://www.epu.gov.my/sites/default/files/1.5.1.pdf>
- Tunon, W. and Baruah, N. (2012): Public attitudes towards migrant workers in Asia. *Migration and Development*, 1(1), 149-162.
- Samuel, J. S., & Samuel, J. (1987). Pembantu-Pembantu Rumah Wanita Filipina di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. *Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya*, 88.
- Spaan, E., Van Naerssen, T., & Kohl, G. (2002). Re-imagining Borders: Malay Identity and Indonesian Migrants in Malaysia. *Tijdschrift voor economische en sociale geografie*, 93(2), 160-172.
- Tsogas, G. (1999). Labour standards in international trade agreements: an assessment of the arguments. *International Journal of Human Resource Management*, 10(2), 351-375.
- Unit Perancang Ekonomi. (2016). *Kependudukan dan tenaga buruh*. Dicapai daripada <http://www.epu.gov.my/ms/statistik-ekonomi/kependudukan-tenaga-buruh>
- Unit Perancang Ekonomi. (2016). *Kependudukan dan tenaga buruh*. Dicapai daripada <http://www.epu.gov.my/ms/statistik-ekonomi/kependudukan-tenaga-buruh>
- Utusan Online. (2011). Tempias penyakit pendatang asing. Dicapai daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0411&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm)
- Utusan Online. (2014). 9,496 kes jenayah melibatkan warga asing. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/9-496-kes-jenayah-libatkan-warga-asing-1.24437>